

31/05/2002

Terengganu digesa kaji semula

PULAU PINANG, Khamis - Kerajaan Terengganu hari ini digesa agar mengkaji semula Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang bakal dibentang pada sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu Julai ini.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata sebarang cadangan untuk melaksanakan hukum hudud hendaklah dijalankan dengan kajian mendalam dan terperinci serta mengambil kira pandangan pakar perundangan dan ahli masyarakat semasa.

"Undang-undang hudud yang diperkenal oleh PAS sebenarnya tidak selari dengan keadilan undang-undang, mungkin kerana ia berasaskan kepada kitab feqah yang dihasilkan dalam keadaan-keadaan tertentu (pada masa itu)," katanya kepada pemberita selepas berjumpa dengan kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri di sini.

Abdul Hamid mengulas bantahan yang dibuat terhadap keputusan kerajaan pimpinan PAS itu untuk membentangkan Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang didakwa mengandungi peruntukan menzalimi dan menganiayai wanita Islam negara ini.

Seksyen 9 rang undang-undang berkenaan dikatakan meletakkan beban bukti kes rogol ke atas bahu wanita dengan mengemukakan empat orang saksi lelaki dan jika mereka gagal membuktikan demikian, wanita berkenaan pula boleh disebat sebanyak 80 kali.

Abdul Hamid berkata, ketika kitab feqah mengenai hukum hudud itu ditulis oleh ulama, keadaan semasa mereka tidaklah begitu rumit seperti sekarang.

Katanya, hukum hudud bukanlah sesuatu yang tidak sesuai tetapi ia haruslah dikaji secara mendalam dengan menekankan aspek keadilan berdasarkan keadaan semasa.

"Sebab itulah kalau nak laksanakan hukum hudud, kenalah hati-hati dan PAS nampaknya bukan mementingkan keadilan tetapi lebih kepada sentimen dan keperluan parti saja," katanya.

DI JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) yang mahu diperkenalkan kerajaan Pas Terengganu dianggap sebagai lesen besar kepada pihak tertentu melakukan jenayah rogol.

Katanya, Seksyen 9, Rang Undang-Undang itu jelas menunjukkan ia mendiskriminasi golongan wanita yang dirogol tanpa mendapat sebarang pembelaan, jika tidak ada saksi dan bukti.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Wanita Umno Johor.

Ditanya berhubung kajian hukum hudud yang dilakukan sekumpulan pegawai di peringkat negeri yang melawat ke beberapa negara di Asia Barat, bulan lalu, Menteri Besar mengakui kajian itu turut memasukkan perkara berkaitan soal kebajikan wanita.

Tanpa memperincikan kajian itu, beliau berkata, ia kini di peringkat akhir untuk disiapkan sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh dua minggu lagi.

"Oleh kerana kajian yang kita jalankan ini atas permintaan Perdana Menteri sendiri kerajaan negeri akan serahkannya kepada beliau untuk diteliti terlebih dulu sebelum sebarang tindakan susulan diambil," katanya.

(END)